

CNS/436

R GB 20-11 00170 BA904

BAH

Mahathir - Koperasi
KOPERASI PERLU BUAT BEBERAPA PERUBAHAN, KATA PM

PETALING JAYA, 20 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beberapa perubahan perlu dilakukan gerakan koperasi di negara ini untuk mencapai potensi pada masa depan.

"Sistem koperasi yang asal mungkin sesuai untuk mengelolakan koperasi kecil tetapi ia tidak lagi sesuai untuk koperasi yang mempunyai ahli yang ramai serta kegiatan perniagaan dan pelaburan yang melibatkan berjuta-juta ringgit dalam industri dan perniagaan besar," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-13 Koperasi Usaha Bersatu (KUB) di Subang Jaya, dekat sini.

Katanya, antara perubahan yang perlu dilakukan ialah menambah daya tarikan koperasi sebagai majikan yang mampu menarik para profesional dan pekerja mahir untuk berkhidmat dengannya sama seperti badan-badan korporat lain.

Struktur pengurusan dan pentadbiran koperasi pula, katanya, memerlukan sifat fleksibel yang sesuai dengan persekitaran.

Sistem menurunkan kuasa dan pengurusan profesional juga perlu untuk menentukan supaya keputusan dan tindakan boleh dijalankan dengan cepat, katanya. -- Lagi.

♥20/11/13-01MST

CNS7451

R GB 20-11 00166 BA906

BAH

Mahathir - Koperasi 2 Petaling Jaya

Dr Mahathir berkata, zaman sesebuah koperasi menjadi "syarikat jimat cermat pinjam meminjam tanggungan berhad" yang diurus secara sambilan oleh beberapa anggotanya sudah hampir berakhir.

"Satu cabaran kepada pelabur koperasi di negara ini ialah untuk mencari jalan supaya sistem koperasi boleh disesuaikan bagi mengelola koperasi yang besar secara berkesan dan cekap," katanya.

Katanya, jika konsep syarikat boleh digunakan untuk menjalankan sebuah syarikat kecil yang dikendalikan satu orang serta syarikat gergasi konglomerat antarabangsa, tidak ada sebab mengapa konsep koperasi juga tidak berupaya berbuat demikian.

"Ini harus difikirkan pihak berkenaan bagaimana konsep koperasi boleh diterapkan dengan ciri-ciri yang fleksibel supaya koperasi dalam pelbagai bentuk, saiz dan kegiatan ekonomi yang dijalankan di negara ini dapat bersaing maju dengan badan-badan perniagaan lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam keghairahan negara terhadap pertumbuhan ekonomi dan sektor korporat, sektor koperasi merupakan satu potensi yang tidak harus dibiarkan, malahan usaha-usaha hendaklah dilipatgandakan untuk memajukan sektor itu. -- Lagi.

♥20/11/13-36MST

CNS7452

R GB 20-11 00133 BA907

BAH

Mahathir - Koperasi 3 Petaling Jaya

Dr Mahathir berkata, ini kerana dalam pembangunan ekonomi moden, koperasi mempunyai tempat yang tersendiri.

Bagaimanapun, katanya, seperti sektor-sektor korporat atau kerajaan, koperasi juga harus dipimpin dan ditadbir dengan betul dan berteraskan prinsip-prinsip pengurusan sejagat.

Malangnya, kata beliau, pengalaman koperasi di negara ini pada masa lepas tidak begitu menggalakkan kerana sering dilanda pelbagai masalah dalaman yang kebanyakannya berpunca daripada sikap kurang amanah, penyalahgunaan kuasa, pengurusan yang tidak cekap dan sikap negatif anggota-anggotanya.

"Perniagaan tidak susah. Jika amalan-amalan yang sihat diamalkan, insya-Allah kejayaan boleh dicapai tetapi apabila perniagaan dicampuradukkan dengan perkara-perkara lain atau tidak ada kerajinan maka apa juga perniagaan akan gagal," katanya.

Perdana Menteri berkata, masalah penyelewengan koperasi tidak terbatas pada peringkat koperasi itu sahaja. -- Lagi.

▼20/11/13-38MST

CNS7457

R GB 20-11 00147 BA909

BAH

Mahathir - Koperasi 4 Petaling Jaya

Ini kerana anggota atau penyimpan koperasi yang bermasalah akan mendesak pula kerajaan untuk mencari penyelesaian, kata Dr Mahathir.

"Penyelesaian yang dimaksudkan ialah suntikan wang oleh kerajaan atau dalam perkataan lain, wang pembayar cukai digunakan untuk menolong penyimpan serta anggota koperasi yang gagal," katanya.

Dalam hal ini, Perdana Menteri berkata, bukan menjadi hasrat kerajaan untuk menggunakan wang orang ramai sebagai subsidi untuk menampung keperluan seumpama itu.

Oleh itu, katanya, adalah penting semua anggota dan penyimpan koperasi meneliti perjalanan koperasi masing-masing dengan memeriksa akaun koperasi kerana mereka tidak lagi boleh bergantung kepada orang lain jika koperasi yang dianggotai gagal atau menghadapi kesulitan.

Di pihak kerajaan, katanya, ia tidak akan berpeluk tubuh jika penyelewengan dilakukan malahan akan terus mengawasi perjalanan koperasi dengan tegas melalui penguatkuasaan Akta Koperasi 1992 yang sudahpun diwartakan. -- Lagi.

▼20/11/14-03MST

U GB 20-11 00170 BA930

BAH

Mahathir - Koperasi 5 (Akhir) Petaling Jaya

(Ulangan Membetulkan Keuntungan Bersih Pada Perenggan Ketiga)

Ketika bercakap kepada pemberita, Dr Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan usaha-usaha pemulihan yang dijalankan pengurusan baru KUB sejak mengambil-alih koperasi itu pertengahan 1991.

"Saya yakin tahun depan KUB bukan sahaja dapat dipulihkan sepenuhnya, malahan mampu membayar semua hutangnya dan membuat keuntungan," katanya.

Terdahulu itu, Pengerusi KUB, Encik Hassan Harun, dalam taklimatnya kepada Perdana Menteri dan anggota perwakilan berkata, KUB dijangka mencatat keuntungan bersih RM50 juta (ulang) RM50 juta tahun depan melalui perolehan bernilai RM248 juta.

Katanya, semasa pengurusan baru mengambil-alih KUB pada Mei 1991, koperasi itu mempunyai kerugian terkumpul sebanyak RM121 juta dan hutang RM97 juta.

Bagaimanapun, katanya, berdasarkan nasihat Dr Mahathir, koperasi itu telah melaksanakan beberapa strategi pemulihan yang ternyata menunjukkan kesan memberangsangkan.

Antara strategi itu, katanya, ialah melancarkan kempen menambah anggota, menyusun semula struktur dalaman, memulihkan kedudukan kewangan dan mengambil kakitangan baru dan profesional. -- Bernama.

AH AHH KAM.